

04/04/2001

PM tidak setuju layanan istimewa

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak bersetuju dengan layanan istimewa diberikan kepada bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sedang menjalani hukuman penjara 15 tahun.

"Saya kurang setuju dengan layanan istimewa yang diberikan kepada beliau, yang tidak diberikan kepada orang lain yang mengalami sakit belakang," kata Perdana Menteri kepada pemberita di Lobi Parlimen, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail bahawa layanan istimewa yang diberikan kepada Anwar sekadar satu propaganda kerajaan.

Anwar, yang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah dan sembilan tahun kerana meliwat, dirawat di Hospital Kuala Lumpur sejak November lalu setelah mengadu sakit belakang.

Dr Mahathir berkata, bukanlah satu perkara luar biasa bagi Anwar dan pengikutnya menyatakan sesuatu bagi memburuk-burukkan kerajaan.

"Jika dilihat daripada apa yang berlaku sebelum ini, ketika dia ditangkap, dia mendakwa kerajaan menyuntik virus Aids (kepadanya) dengan harapan pengikutnya akan merusuh.

"Kemudian berlaku keracunan arsenik dan sekali lagi pengikutnya menunjuk perasaan, sekarang pula sakit belakang. Kita lihat bahawa dia mahu mempropagandakan segala-galanya, ini semuanya politik. Bukan sangat soal kesihatan, semua berkaitan politik dan kerajaan beri kelonggaran," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan menimbang rayuan Parti Keadilan Nasional supaya Anwar diberi kebenaran menerima rawatan di luar negara, Perdana Menteri berkata, ia bukan soal rayuan daripada sebuah parti politik.

"Soalnya ialah jika seseorang itu sakit dan dia perlu rawatan, dia akan diberi rawatan.

"Rawatan yang diberi kepada Datuk Seri Anwar ini adalah istimewa, tidak ada orang yang sakit pinggang yang masuk hospital selama empat bulan... lima bulan... terpaksa panggil seorang yang kononnya dianggap pakar dari luar negeri.

"Pakar dari luar negara itu pula menganggap kononnya pakar bius Malaysia tidak bagus," katanya.

Anwar baru-baru ini diperiksa oleh Dr Thomas Hoogland dari Jerman di Hospital Kuala Lumpur berhubung sakit belakang yang dialaminya.

Dr Mahathir berkata, pakar bedah dan pakar bius di Malaysia mampu menjalankan apa jua pembedahan tetapi Hoogland menganggap mereka tidak cekap.

"Saya menjalani pembedahan yang melibatkan jantung diberhentikan untuk seketika bagi membolehkan saya dibedah, dan saya percaya kepada pakar bius yang sama. Untuk berkata bahawa bagi satu pembedahan tulang belakang, mereka (pakar tempatan) tidak ada kemahiran, itu tidak masuk akal," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan berharap untuk melihat alat khas yang diperlukan untuk pembedahan terhadap Anwar seperti disebutkan oleh Hoogland.

Hoogland mencadangkan agar Anwar dibedah di luar negara kerana ada alat yang tidak ada di negara ini.

"Kita mahu melihat apa dia peralatan khas yang dia (Hoogland) ada dan yang tidak boleh dibawa dalam kapal terbang. Memang luar biasa kerana kita

tahu bahawa dia (Hoogland) telah menjalankan pembedahan terhadap seseorang di Dubai.

"Kita ingin tahu bagaimana dia menjalankan pembedahan itu di Dubai, sama ada dia bawa bersama pakar bius, atau sama ada dia bawa alat luar biasa itu," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan, perjuangan politik parti Keadilan terlalu terhad iaitu hanya untuk membebaskan Anwar.

"Kalau boleh memburukkan kerajaan, untuk menjatuhkan kerajaan melalui tekanan asing, melalui keganasan, itulah agenda politik Keadilan tetapi matlamatnya ialah pembebasan Datuk Seri Anwar," katanya.

(END)